



■ **PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad** ketika mengunjungi **Presiden UAE, Sheikh Zaid bin Sultan Al-Nahyan** (di kanan) — Gambar AF.

Dr. M bincang varsiti Islam

Oleh **NAZRI ABDULLAH**

ABU DHABI, Rabu — Malaysia sedang meninjau kemungkinan menubuhkan Institut Pelajaran Tinggi yang boleh memainkan peranan berkesan dalam pembangunan umat Islam, kata **Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad** di sini.

Berangkap kepada pemberita selepas mengunjungi **Presiden Emriyah Arab Bersatu (UAE), Sheikh Zaid bin Sultan**

Alnahyan Perdana Menteri berkata, beliau membincangkan perkara tersebut dengan **Presiden UAE**.

Bagaimanapun beliau enggan mengemukakan butir-butir lanjut lagi tetapi katanya, satu pengumuman mengenai akan dibuat tidak lama lagi.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengadakan pertemuan tersebut di

bandar Al-Ain di Wilayah **Timur UAE** kira-kira 130 kilometer dari sini.

Mereka juga membincangkan masalah kepentingan bersama termasuk soal pembangunan dan masalah-masalah yang dihadapi umat Islam.

Topik hangat yang dibincangkan ialah masalah **Palestin**. Usaha-usaha perdamaian **Iran-Iraq** juga dibin-

cangkan.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyertai **Sidang Jawatankuasa Pendamai Pertubuhan Peridangan Islam (OIC)** bagi menyelesaikan pertikaian **Iran-Iraq** di **Jeddah** **Jumaat** ini.

Mengenai pelaburan, **Datuk Seri Dr. Mahathir** menawarkan beberapa projek usahasama termasuk bidang binaan, makanan, barang-barang penggunaan dan peralatan bangunan.

HWP
4/1/82